



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (18 OGOS 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak kekal sebanyak **682** kes.

#### **A. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Tiada kluster COVID-19 yang telah tamat pada hari ini. Jumlah kluster yang masih aktif adalah kekal sebanyak **tujuh (7)** dan melibatkan seramai **62 orang kes** seperti berikut:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal lapan (8) kes
- b) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- c) Kluster Pasar Stutong: kekal tujuh (7) kes
- d) Kluster Sentosa: kekal 31 kes
- e) Kluster PUI Melbourne: kekal tiga (3) kes
- f) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: kekal dua (2) kes
- g) Kluster Pasar Satok: kekal empat (4) kes

Dimaklumkan juga **satu (1)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini kekal seramai **660** orang atau **96.77%**.

Seramai **tiga (3)** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital, dan jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.79%. Hari ini sebanyak **22 PUI** baru dilaporkan dan **satu (1) kes** masih menunggu ujian makmal.

## **2. LAPORAN SARINGAN**

### **A. COVID-19 ILI Sentinel Clinic (Started epid 16)**

Sehingga hari ini, sebanyak 22 buah fasiliti kesihatan yang dikenalpasti di seluruh Negeri Sarawak, telah mengambil sebanyak 1,884 sampel bagi ujian COVID-19 di kalangan kes Influenza-Like Illness (ILI), bermula April 2020 hingga August 2020. Daripada jumlah tersebut satu (1) sampel positif telah dikesan di Sibu (0.05%) pada bulan April 2020, manakala 1875 sampel adalah negatif dan 8 sampel masih menunggu keputusan ujian makmal.

### **B. Surveillance of Respiratory symptoms (Started epid 30)**

Sebanyak lima buah klinik kesihatan KKM di Bahagian Kuching yang dikenalpasti untuk menjalankan *Surveillance Respiratory Symptoms* bermula pada 20 Julai 2020. Sebanyak 316 sampel telah diambil untuk ujian COVID-19 (RT-PCR) dan kesemua keputusan adalah negatif bagi COVID-19.

### C. Surveillance on Market

No.	Market	Total Samples RT-PCR	Positive	Negative	Pending
1	Pasar Stutong, Kuching	556	7	549	0
2	Penjaja Central Market Sibu	189	0	189	0
3	Penjaja Market Sibujaya	18	0	18	0
4	Medan Niaga Satok	229	4	225	0
5	Market Kota Padawan, Batu 10	74	0	74	0
6	Market Kota Sentosa, Batu 7	101	0	101	0
7	Market Sungai Maong	54	0	54	0
8	Market batu 3	106	0	106	0
9	Medan Niaga Satok	644	0	644	0
10	Market Basah Sg. Apong	58	0	58	0
11	Market Petanak	186	0	186	0
12	Market Kenyalang	150	0	150	0
13	Market Julau	27	0	27	0
14	Market Pakan	7	0	7	0
TOTAL		2399	11	2388	0

### D. Surveillance on Construction Site

Ujian saringan secara rawak telah dilakukan di 152 buah tapak pembinaan yang terletak di Bahagian Kota Samarahan (11 tapak), Serian (5 tapak), Sri Aman (4 tapak), Betong (7 tapak), Sarikei (4 tapak), Sibu (4 tapak), Kapit (4 tapak), Mukah (16 tapak), Bintulu (33 tapak), Miri (59 tapak) dan Limbang (5 tapak). Sebanyak 1,439 sampel bagi ujian COVID-19 (RT-PCR) telah diambil dan daripada jumlah sampel tersebut, 1029 sampel dari warganegara Malaysia dan 410 sampel dari Pendatang Asing Dengan Izin. Hasil saringan ini mendapati 1 sampel yang positif dari tapak pembinaan di Bahagian Samarahan, 1,438 sampel adalah negatif.

### ***E. Random on Plantation***

Saringan secara rawak telah dijalankan di 44 buah ladang yang terletak di Lundu (7 ladang), Sri Aman (10 ladang), Mukah (8 ladang), Betong (10 ladang) dan Bintulu (9 ladang). Sebanyak 604 sampel telah diambil, dimana 277 sampel adalah dari warganegara Malaysia dan 327 sampel pula dari Pendatang Asing Dengan Izin. Daripada jumlah sampel tersebut, 569 sampel adalah negatif COVID-19, manakala 35 sampel lagi masih menunggu keputusan ujian makmal.

### **F. Saringan Nelayan**

Sebanyak 175 orang nelayan dari Bahagian Sibul dan Betong telah disaring untuk COVID-19 (RT-PCR) dan kesemua keputusan ujian saringan tersebut adalah negatif.

**G. Screening on Staff / Teachers of TASKA**

No.	TASKA	Total Samples RT-PCR	Positive	Negative	Pending
1	Cahaya Horizons	10	0	10	0
2	IMTIAZ	7	0	7	0
3	Taska NUR DIANIA	5	0	5	0
4	TASKA KIDDY JOY	6	0	6	0
5	TASKA ADINDA	9	0	9	0
6	Taska Sedidik Perdana Semariang	6	0	6	0
7	Taska Sedidik Perdana JKM	3	0	3	0
8	TASKA SAYANGKU	7	0	7	0
9	Taska Chin Chin (Cawangan Sekema) *new	8	0	8	0
10	Taska Rose*new	3	0	3	0
11	Taska Kenny Hill*new	8	0	8	0
12	Taska Syarien*new	7	0	7	0
13	Taska Suria *new	11	0	11	0
14	Taska Nur Hana *new	5	0	5	0
15	Taska Annur *new	5	0	5	0
16	Taska Hikmah Kpg Tanjung Bundong *new	11	0	11	0
17	Taska Cilik Kreatif	3	0	3	0
<b>TOTAL</b>		<b>114</b>	<b>0</b>	<b>114</b>	<b>0</b>

### **3. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat dan beberapa keputusan telah dibuat seperti berikut:

#### **A. Kos Kuarantin dan Kos Ujian COVID-19**

Semua rakyat Sarawak yang balik dari luar negara akan menjalani kuarantin wajib selama 14 hari. Dalam tempoh tersebut, mereka akan menjalani dua kali ujian COVID-19 iaitu hari ke-2 dan hari ke-10. Kos penginapan kuarantin dan kos ujian COVID-19 akan dibayar oleh Kerajaan Sarawak.

Manakala bagi bukan rakyat Sarawak (Semenanjung, Sabah, Labuan dan Bukan Warganegara) yang balik dari luar negara masuk ke Sarawak, mereka akan membayar sendiri kos kuarantin dan kos ujian COVID-19 tersebut.

**Arahan ini berkuatkuasa sehingga 31 Ogos 2020.**

#### **B. Garis Panduan (SOP)**

- i. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah membentangkan Garis Panduan (SOP) untuk Pusat Hiburan Berlesen yang ingin beroperasi dan hendaklah mematuhi SOP Karaoke yang disediakan. **Arahan ini berkuatkuasa mulai 20 Ogos 2020.**

- ii. Manakala, bagi aktiviti ***indoor busking*** pula hendaklah berpandukan SOP *Live Event* yang telah disediakan oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan kebudayaan Sarawak.

**Arahan ini berkuatkuasa mulai 20 Ogos 2020.**

### **3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN DAN TANGKAPAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **11 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP). Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Kuching (5), Padawan (2), Miri (1), Kota Samarahan (1), Sarikei dan Betong (1).

Manakala **empat (4)** tangkapan penjawat awam. Tiga (3) daripadanya adalah di Sibu kerana melanggar arahan kuarantin dan seorang (1) di Kanowit kerana telah memotong "Wristband" sebelum selesai tempoh kuarantin.

Pihak PGA juga telah membuat tangkapan **seramai 20 orang** warganegara Indonesia dalam perjalanan dan telah masuk secara haram ke Malaysia melalui laluan tikus di ladang kelapa sawit berdekatan dengan sekolah St Raymond di Serian. Semua mereka gagal menunjukkan sebarang pengenalan diri dan mereka ditangkap dibawah akta Imigresen 1959/63 dan diserahkan kepada Balai Polis Tebedu untuk tindakan lanjut.

#### **4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,654 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (156), Restoran (380), Kilang (8), Bank (111), Pejabat Kerajaan (62), Penjaja (49), Pasar Tani/Awam (90), Tempat Ibadah (80), Tempat Riadah (39), Tapak Pembinaan (17) dan lain-lain (662).

Seramai **663 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (322), ATM (38), RELA (143), APM (107), PBT (37), KKM (8) dan lain-lain agensi (8).

#### **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,767** jumlah kenderaan telah diperiksa.

#### **6. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:



**S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

**O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

**P:** Penjarakan fizikal diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**18 OGOS 2020**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	682	Kes sedang dirawat di hospital	3	0.44%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	73,107	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	682	Jumlah kes kematian	19	2.79%
IR per 100,000 penduduk	22.11	Kes telah sembuh dan discaj	660	96.77%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	22	8,589	22	9,272
Menunggu keputusan	0	1		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	2	1	0	0	0	3
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	1	0	0	0	1
	Kumulatif	568	33	27	31	660
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	8	2	0	0	19

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (40)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	21	6,087	0	423	1	409	0	12	2	3	0
2	Serian	0	302	0	24	0	24	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	243	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Samarahan	0	546	0	112	0	108	0	4	0	0	0
5	Bau	0	168	0	6	0	6	0	0	0	0	0
6	Bintulu	1	273	0	27	0	27	0	0	0	0	0
7	Sibu	0	106	0	10	0	9	0	0	1	1	0
8	Simunjan	0	60	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
12	Miri	0	823	0	23	0	22	0	1	0	0	0
13	Asajaya	0	41	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	49	0	3	0	2	0	1	0	0	0
15	Betong	0	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Mukah	0	44	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
19	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
20	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Kapit	0	30	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
40	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>22</b>	<b>9,272</b>	<b>0</b>	<b>682</b>	<b>1</b>	<b>660</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>0</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat	
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>	0	191	22 June, 2020	
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>	0	115	10 June, 2020	
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	<b>Sub-kluster dan kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling</b>	3 June, 2020	
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10		15 May, 2020	
2c	Sub-Kluster Sibul	4		10 June, 2020	
2d	Sub-Kluster Bintulu	2		12 May, 2020	
2e	Sub-Kluster Limbang	7		26 May, 2020	
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7		12 May, 2020	
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10		3 June, 2020	
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3		3 June, 2020	
2i	<b>Sporadik</b>				
	i) Betong	6		15 May, 2020	
	ii) Samarahan	1		2 May, 2020	
	iii) Serian	1		6 June, 2020	
	iv) Kuching	9		12 May, 2020	
	v) Bintulu	2		18 April, 2020	
	vi) Miri	8		24 May, 2020	
	vii) Mukah	2	13 April, 2020		
viii) Limbang	2	26 May, 2020			
3	<b>Kluster PUI Itali</b>	0	65	30 May, 2020	
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>	0	68	6 June, 2020	
5	<b>Kluster Kidurong</b>	0	8	19 July, 2020	
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>	0	3	22 July, 2020	
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>	0	8	Active	
8	<b>Kluster Mambong</b>	0	7	Active	
9	<b>Kluster Jupiter</b>	0	3	13 August, 2020	
10	<b>Kluster Pusat Perubatan Kuching</b>	0	3	15 August, 2020	
11	<b>Kluster Pasar Stutong</b>	0	7	Active	
12	<b>Kluster Jeti</b>	0	2	16 August, 2020	
13	<b>Kluster Sentosa</b>	0	31	Active	
14	<b>Kluster PUI Melbourne</b>	0	3	Active	
15	<b>Kluster Syarikat Pembinaan Kuching</b>	0	2	Active	
16	<b>Kluster Pasar Satok</b>	0	4	Active	
17	<b>Kluster-kluster kecil</b>	0	63	-	
18	<b>Sporadik kes</b>	0	57	-	
19	<b>Kes import dari luar negara</b>	0	42	-	
20	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>	0	0	-	
<b>Jumlah</b>		0	682		

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **146** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **16 buah hotel** adalah seramai **685 orang**. Manakala seramai **21,787 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 18.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching (336)	Hock Lee	47
2		Kuching Park	13
3		Hilton	37
4		Harbour View	126
5		Riverside (Astana Wing)	113
6		Riverside (Puteri Wing)	0
7	Miri (251)	Mega	39
8		Eastwood Valley	48
9		Meritz	66
10		Dynasty	98
11	Bintulu (42)	Wasan Inn	15
12		Motel Kapok	13
13		Faber Inn	14
14	Limbang (23)	Purnama	13
15		Mandarin (Lawas)	10
16	Sibu (33)	Premier	33
<b>Jumlah PUS</b>			<b>685</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **4 lokasi di Miri (2), Samarahan (1) dan Sibu (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,504 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 18.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	475
2	Miri	274
3	Sibu	126
4	Bintulu	111
5	Samarahan	109
6	Sarikei	103
7	Limbang	77
8	Serian	50
9	Betong	48
10	Mukah	46
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,504</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **51 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 18.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	DBKU	10
2	MP Padawan	3
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	7
5	MP Sibul	10
6	MCC	4
7	MD Marudi	5
8	MD Lawas	9
<b>Jumlah</b>		<b>51</b>